

---

**TINGKATAN 4**

---

**BAHASA MELAYU**  
**KERTAS 1**  
2 jam 15 minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan :**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu soalan** daripada **Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*


Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak  
**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan teknologi maklumat dan komunikasi ( TMK ) dalam kehidupan**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**KEBAIKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK)**



**BAHAGIAN B**

( 100 Markah )

(Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit )

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Anda seorang warganegara yang mempunyai semangat cinta akan negara.  
Jelaskan cara-cara untuk menunjukkan semangat kecintaan terhadap negara anda.
2. Amalan kejiwaan semakin terpinggir dalam masyarakat pada masa ini. Masyarakat semakin melupakan amalan bergotong-royong, kunjung-mengunjungi, dan bertegur sapa sesama jiran. Dalam hal ini, keluarga berperanan penting untuk menghidupkan amalan kejiwaan ini agar menjadi ikutan anak-anak.

Ulas pernyataan ini.

3. Sebagai pegawai kesihatan anda diminta menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Kesan- kesan Pengambilan Makanan Segera dan Makanan Ringan Terhadap Kesihatan' kepada masyarakat di tempat anda.

Sediakan teks ceramah anda itu selengkapnya.

4. Hubungan diplomatik dengan negara-negara serantau dan antarabangsa adalah amat penting.  
Ulaskan pendapat anda tentang kepentingan Malaysia menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain.
5. Perwatakan watak utama dalam sebuah novel yang telah anda baca, banyak mengandungi keistimewaan yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan.

Bincangkan.

**KERTAS SOALAN TAMAT****SELAMAT MENJAWAB**

Disediakan oleh,

.....

Disemak oleh,

.....